

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 4-2015

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 13 Jun 1980. Nama asal Perayu ialah Tractors Malaysia (1982) Sdn. Bhd. dan telah ditukar nama kepada Sime Darby Industrial Sdn. Bhd. pada 2 Januari 2008.
2. Perayu merupakan salah satu daripada lima (5) sektor perniagaan utama yang dimiliki Kumpulan Sime Darby. Perayu terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti penjualan mesin, enjin dan peralatan baru dan terpakai. Di samping itu, Perayu turut menyediakan perkhidmatan sewaan/perkhidmatan sokongan.
3. Perayu juga menjalankan urusanniaga seperti memperoleh/membeli dagangan *dumper truck* terpakai yang dijual oleh pihak ketiga dari luar negara dan dijual kepada pelanggannya di Malaysia. Mengikut Perayu melalui bentuk urusanniaga ini, pelanggannya akan mengimport terus dagangan *dumper trucks* terpakai tersebut ke Malaysia. Pelanggan Perayu akan menguruskan pengambilan dagangan tersebut terus dari lokasi yang dinyatakan di dalam terma syarat perniagaan dan mengisytiharkan namanya sendiri sebagai pengimport dalam Borang Kastam No.1.
4. Pengarah Kastam Negeri, Selangor telah mengeluarkan enam Bil Tuntutan menuntut duti import terkurang dibayar sebanyak RM7,423,629.99 dan cukai jualan terkurang dibayar sebanyak RM3,216,906.33 kepada dua pihak, iaitu pihak Perayu serta Pengarah-Pengarahnya dan pihak lain seperti berikut:

BIL.	TARIKH BIL TUNTUTAN	JENIS DUTI/CUKAI	AMAUN TUNTUTAN (RM)
------	---------------------	------------------	---------------------

1.	8 September 2014	Duti Import	557,900.81
2.	8 September 2014	Cukai Jualan	241,757.02
3.	19 November 2014	Duti Import	2,525,920.47
4.	19 November 2014	Cukai Jualan	1,094,565.54
5.	21 November 2014	Duti Import	4,339,808.71
6.	21 November 2014	Cukai Jualan	1,880,583.77

5. Menurut Responden, daripada enam Bil Tuntutan di atas, dua Bil Tuntutan bertarikh 9 September 2014 bagi 3 unit *dumper trucks* terpakai telah dibayar oleh pihak lain. Dengan itu, berdasarkan kepada Bil-Bil Tuntutan bertarikh 19 November 2014 dan 21 November 2014, jumlah keseluruhan tuntutan ialah RM9,840,878.49 iaitu duti import terkurang dibayar sebanyak RM6,865,729.18 dan cukai jualan terkurang dibayar sebanyak RM2,975,149.31 bagi 42 unit *dumper trucks* terpakai.

6. Pada 31 Disember 2014, Perayu telah kemukakan rayuan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Selangor memohon supaya dibatalkan Bil-Bil Tuntutan berkenaan. Melalui surat bertarikh 25 Mac 2015 JKDM, Selangor memaklumkan rayuan Perayu ditolak. Berhubung rayuan ini, Perayu telah juga mendapat pengesahan JKDM Ibu Pejabat melalui surat bertarikh 24 April 2015 di mana JKDM Ibu Pejabat memaklumkan bahawa surat JKDM, Selangor bertarikh 25 Mac 2015 adalah diterima sebagai keputusan yang dibuat oleh Jabatan di peringkat Ibu Pejabat.

7. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan JKDM bertarikh 24 April 2015 dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 21 Mei 2015.

8. Pada 14 Ogos 2015 Perayu telah membuat bayaran sebanyak RM9,840,878.49 bagi empat Bil Tuntutan tersebut kepada JKDM, Selangor. Sebagai pengesahan bayaran, JKDM, Selangor telah mengeluarkan dua resit rasmi bertarikh 15 Ogos 2015. Pertama, atas nama pengimport Loyang Sumber Sdn. Bhd. berjumlah RM3,620,486.01 (duti import RM2,525,920.47/cukai jualan RM1,094,565.54). Kedua, atas nama pengimport Fiction Enterprise Sdn. Bhd. berjumlah RM6,620,392.48 (duti import RM4,339,808.71/cukai jualan RM1,880,583.77). Pada kedua-dua resit rasmi tersebut telah dicatat "*Paid by Sime Darby Industrial Sdn. Bhd.*".
9. Mengikut Perayu pembayaran dibuat oleh Perayu adalah untuk memenuhi syarat di dalam peraturan 4 Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007 dan bukannya bagi pihak kedua-dua pengimport. Oleh itu, sebarang pulang balik (*refund*) duti/cukai hendaklah dibuat kepada Perayu.

ISU

Sama ada Perayu adalah "pengimport" dan bertanggungjawab untuk membayar Bil-Bil Tuntutan (duti import/cukai jualan) yang dituntut.

KEPUTUSAN

1. Setelah menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan dalam pendengaran rayuan ini, dan berdasarkan definisi "pengimport" di dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967, Tribunal memutuskan Perayu bukan pengimport bagi 45 unit *dumper trucks* (*Caterpillar off-highway trucks*) terpakai tersebut.
2. Berdasarkan nama pengimport di dalam Borang Kastam No. 1, Tribunal memutuskan syarikat Aras Kuasa Sdn. Bhd., syarikat Loyang Sumber Sdn. Bhd.

dan syarikat Fiction Enterprise Sdn. Bhd. adalah pengimport bagi dagangan 45 unit *dumper trucks* (*Caterpillar off-highway trucks*) terpakai dan bertanggungjawab untuk membayar duti import dan cukai jualan bagi pengimportan dagangan tersebut termasuk perkara mengenai kekhilafan mengikrar nilai/nombor kod tarif, dan sebarang kekurangan duti/cukai kastam, jika ada.

3. Tribunal memutuskan keputusan Ketua Pengarah Kastam dalam surat bertarikh 24 April 2015 yang mengesahkan Bil-Bil Tuntutan JKDM, Selangor melalui surat-surat rujukan KE.BB(120)424/01/14/(101) bertarikh 8 September 2014, KE.BB(120)424/01/14/(102) bertarikh 8 September 2014, KE.BB(120)424/01/14/(123) bertarikh 19 November 2014, KE.BB(120)424/01/14/(124) bertarikh 19 November 2014, KE.BB(120)424/01/14/(125) bertarikh 21 November 2014 dan KE.BB(120)424/01/14/(126) bertarikh 21 November 2014, terhadap Perayu dan Pengarah-Pengarahnya diketepikan dan Responden hendaklah pulang balik (*refund*) duti import berjumlah RM6,865,729.18 dan cukai jualan berjumlah RM2,975,149.31 kepada Perayu.
4. Rayuan dibenarkan.

10 Disember 2015